

24 OCT 1998

LHDN-Cukai

PEMBAYAR CUKAI MELALUI PCB SELEPAS 1995 TAK PERLU BAYAR

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Pembayar cukai yang bekerja selepas potongan cukai berjadual (PCB) diperkenalkan pada 1 Jan 1995, tidak perlu membuat potongan itu pada tahun depan kerana cukai pendapatan bagi tahun 1998 telah dijelaskan melalui PCB pada tahun ini.

Menurut Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), PCB bagi mereka akan disambung semula dalam tahun 2000 untuk cukai tahun semasa.

Ini turut meliputi pembayar cukai di Sabah dan Sarawak, kata Penolong Pengarah Perhubungan Awam LHDN, Rozina Merican dalam satu kenyataan hari ini.

Kenyataan itu adalah sebagai memperjelaskan sistem pentadbiran cukai baru berkuatkuasa tahun 2000 yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat semalam.

Mengikut sistem baru itu, pendapatan dicukai berdasarkan tahun semasa berbanding sistem sekarang iaitu pendapatan pada tahun semasa dicukai pada tahun berikutnya. Selaras dengan itu Dr Mahathir berkata untuk tidak membebankan pembayar cukai kerajaan memutuskan pendapatan bagi tahun 1999 tidak akan dikenakan cukai.

LHDN berkata bagi pembayar cukai yang telah bekerja sebelum sistem PCB diperkenalkan, mereka masih perlu membayar cukai berkenaan pada tahun depan.

Ia adalah untuk menjelaskan cukai bagi pendapatan pada tahun 1998 yang dikira bagi Tahun Taksiran 1999.

LHDN bagaimanapun meminta semua majikan menunggu arahan bertulis daripadanya berhubung potongan cukai pendapatan pekerja masing-masing sebelum menghentikan pembayaran cukai berkenaan.

Katanya sehingga arahan itu dikeluarkan, majikan masih dikehendaki membuat potongan cukai berjadual daripada gaji semua pekerja mereka dan meremitkan potongan itu kepada LHDN.

-- BERNAMA

NM AKD